



## 1065 MENJAGA PANDANGAN DAN KAITANNYA DENGAN NAFSU: KAJIAN PERBANDINGAN TAFSIR AYAT 30-31 SURAH AL-NUR

Wan Ramizah binti Hasan  
Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah

[wanramizah@kuis.edu.my](mailto:wanramizah@kuis.edu.my)  
[faridravi@kuis.edu.my](mailto:faridravi@kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### Abstrak

*Tidak menjaga pandangan antara faktor utama terjadinya sesuatu masalah sosial seperti pergaulan bebas, khalwat, sumbang mahram, perzinaan dan sebagainya. Ianya mempunyai kaitan yang amat rapat dengan hawa nafsu. Namun, tidak banyak perkaitan ini dihuraikan secara jelas dalam kitab-kitab tafsir ketika mentafsir ayat 30-31 surah al-Nur. Justeru, penulisan ini dilakukan bertujuan mengkaji apakah pendapat dan pandangan ahli-ahli tafsir tentang menjaga pandangan yang terdapat dalam surah al-Nur, ayat 30-31 dan kaitannya dengan nafsu. Metod yang digunakan dalam penulisan ini ialah analisis kandungan terhadap kitab-kitab tafsir dan hadis serta kajian-kajian ilmiah seperti tesis, jurnal-jurnal dan kertas-kertas penyelidikan dan metod perbandingan juga digunakan untuk membandingkan antara kitab-kitab tafsir. Kajian mendapati bahawa tafsiran tentang kaitan antara menjaga pandangan dan nafsu kurang dijelaskan secara langsung dalam kitab-kitab tafsir, namun begitu, kitab tafsir Fi Zilal al-Qur'an antara kitab tafsir yang menghuraikan perkaitan ini dengan agak jelas menerusi teori Fried dan pandangan-pandangan semasa Sayyid Qutb.*

*Kata kunci: Menjaga pandangan, surah al-Nur, kitab tafsir, Fi Zilal al-Qur'an*

### 1.0 Pendahuluan

Allah s.w.t. memerintahkan agar orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan menundukkan pandangannya dan menjaga kemaluannya dalam surah al-Nur ayat 30-31 sebagai salah satu tanda mensyukuri nikmat-Nya iaitu penglihatan mata.

Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Nahl ayat 78:

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ  
تَشْكُرُونَ

Yang bermaksud:

*Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatupun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran); supaya kamu bersyukur.*



Ibnu al-Qayyim (2007) dalam kitabnya “Bahaya Zina” menyatakan bahawa antara empat pintu masuk maksiat menuju manusia *al-Lahazat* iaitu pandangan mata. Allah SWT. mendahulukan perintah menundukkan pandangan mata sebelum perintah menjaga kemaluan. Ini adalah kerana banyak musibah besar yang berasal daripada pandangan, seperti kobaran api yang besar berasal dari bunga api. Mulanya hanya khayalan, kemudian langkah nyata, kemudian tindak kejahatan besar (zina).

Al-Imam Ibnu Kathir r.a. (2000) mengatakan bahawa ayat ini adalah perintah Allah s.w.t. kepada hamba-hamba-Nya yang beriman agar mereka menundukkan pandangan-pandangan mereka daripada apa yang diharamkan. Maka janganlah mereka memandangi kecuali kepada apa yang diperbolehkan untuk dipandangnya. Dan agar mereka menjaga pandangannya dari perkara yang diharamkan.

Kajian Nor Azah Abd Aziz dan Che Zarrina Saari (2011) mendapati bahawa pornografi boleh membawa kepada ketagihan seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini adalah disebabkan penonton pornografi akan beraksi berdasarkan apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan seseorang. Oleh kerana itu, memandangi sesuatu perkara itu mempunyai kaitan yang amat rapat dengan hawa nafsu. Namun, tidak banyak perkaitan ini diuraikan secara jelas dalam kitab-kitab tafsir ketika mentafsir ayat 30-31 surah al-Nur. Justeru, penulisan ini dilakukan bertujuan mengkaji apakah pendapat dan pandangan ahli-ahli tafsir tentang menjaga pandangan yang terdapat dalam surah al-Nur dan kaitannya dengan nafsu.

Kajian atau penyelidikan ini adalah berbentuk perpustakaan atau arm chair research. Ia berasaskan kepada kaedah maktabi (perpustakaan) dimana pencarian maklumat dan data lebih tertumpu kepada bahan-bahan bercetak terutamanya kitab-kitab dan teks klasik. Dalam pengkategorian yang lebih spesifik, kajian ini juga dapat dikelaskan sebagai *content analysis*. Analisis kandungan adalah salah satu kajian analisis terhadap istilah-istilah, teks-teks, frasa-frasa, konsep-konsep dan seumpamanya yang terkandung dalam bahan-bahan bercetak seperti buku, kitab, jurnal, akhbar, laporan bertulis dan seumpamanya dan ataupun bahan elektronik seperti rancangan televisyen, radio, cakera padat dan seumpamanya. (Ole R. Holsti (1969), Robert Philip Weber (1990))

## 2.0 Makna Menjaga Pandangan, Nafsu dan Perkaitan antara Keduanya

Allah SWT menyuruh kepada umat Islam agar menjaga pandangan mereka daripada melihat sesuatu yang dilarang oleh-Nya. Firman Allah SWT dalam surah al-Nur, ayat 30-31:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾  
وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۗ  
وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ  
أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ أَوْ بَنِي إِخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ

أَيْمُنُهُنَّ أَوْ التَّبَعِينَ غَيْرِ أُولَى الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوْ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ  
وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِينَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَتُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ



Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; Sesungguhnya Allah amat mendalam pengetahuannya tentang apa yang mereka kerjakan. 31. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, Wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

Menurut bahasa, غَضُّ النَّصْرِ (*ghad al-basar*) bererti menahan, mengurangi atau menundukkan pandangan. Berasal dari kata غَضَّ yang berarti كَفَّ (menahan) atau نَقَصَ (mengurangi) atau خَفَضَ (menundukkan)

M. Quraisy Shihab mengatakan bahawa, menjaga pandangan adalah mengalihkan arah pandangan, serta tidak memfokuskan padangan mata dalam waktu yang lama kepada yang yang tidak dibolehkan oleh syarak. Manakala Al-Maragi pula berpandangan bahawa ayat ini adalah perintah atau galakan untuk menahan dan menjaga pandangan dari segala hal yang diharamkan untuk terus dilihat. Yang diharamkan untuk dilihat adalah seperti yang membangkitkan hawa nafsu dan syahwat manusia, ianya termasuk gambar bercetak mahupun video.

Dalam kitab al-Tafsir al-Munir, Dr Wahbah menegaskan bahawa menjaga pandangan di sini bukannya memejamkan mata, tetapi menjadikannya tertunduk dan terjaga kerana malu dan dalam Tafsir At-Thabari (19/154) dan Tafsir Ibnu Katsir (6/41) disebutkan bahawa *ghadhul bashar* adalah menahan dari apa yang diharamkan oleh Allah SWT dan rasul-Nya untuk kita memandangnya.

Para ulama tafsir menyebutkan bahawa kata *min* dalam kalimat *min absharihim* (Q.S. An-Nur: 30 – 31) maknanya adalah sebahagian, untuk menegaskan bahawa yang diharamkan oleh Allah SWT hanyalah pandangan yang dapat dikontrol atau disengaja, sedangkan pandangan



tiba-tiba tanpa sengaja dimaafkan. Atau untuk menegaskan bahawa kebanyakan pandangan itu halal, yang diharamkan hanya sedikit saja. Berbeza dengan perintah memelihara kemaluan yang tidak menggunakan kata *min* kerana semua pintu pemuasan seksual dengan kemaluan adalah haram kecuali yang diizinkan oleh syariat sahaja (nikah). (Lihat: *Al-Jami' Li Ahkamil Quran, Al-Qurthubi, 1/3918*).

Syaikh Yusuf Qaradawi dalam bukunya *Halal dan Haram* menjelaskan bahawa menahan pandangan bukan bererti menutup atau memejamkan mata hingga tidak melihat sama sekali atau menundukkan kepala ke tanah, kerana bukan ini yang dimaksudkan di samping ianya tidak akan mampu dilaksanakan. Tetapi yang dimaksudkan adalah menjaganya dan tidak melepas pandangannya hingga menjadi liar. Pandangan yang terpelihara adalah apabila seseorang memandang sesuatu yang bukan aurat orang lain lalu ia tidak mengamati kecantikannya, tidak berlama-lama memandangnya, dan tidak memerhati apa yang dilihatnya.

*Ghad al-basar* memiliki dua makna iaitu pandangan lahir dan pandangan batin. Pandangan lahir adalah melihat, merenung, dan menghayati fizikal yang menarik dan menggairahkan nafsu berahi, adapula pandangan batin adalah syahwat yang timbul dalam hati untuk mengadakan hubungan seksual atau perbuatan lain yang melanggar hukum Allah SWT, setelah melihat bentuk lahir. (Abu Al-Ghifari, 2015).

Adapun perkataan “nafsu”, menurut Kamus Dewan bermaksud keinginan yang keras, kehendak hati yang kuat, kemahuan yang kuat, dorongan hati seperti *nafsu belajarnya tidak padam-padam*. Bila digabungkan dengan hawa nafsu maka ia memberi makna kehendak hati yang kuat untuk melakukan sesuatu yang melampau atau kurang baik (seperti berseronok antara laki-laki dengan perempuan dan lain-lain. Sekiranya digabungkan dengan nafsu makan maka ia memberi maksud keinginan untuk makan. (Kamus Dewan, edisi empat).

Pengertian ini mempunyai persamaan dengan apa yang terdapat dalam Wikipedia, ensiklopedia bebas iaitu perkataan nafsu boleh digabungkan dengan perkataan lain bagi membawa erti yang lebih khusus, antaranya adalah:-

- Hawa nafsu, biasanya dikaitkan dengan dorongan hati yang kuat untuk melakukan perkara yang tidak baik. Adakalanya bermakna selera, jika dihubungkan dengan makanan.
- Nafsu syahwat pula bererti keberahian atau keinginan/kecenderungan khusus dalam hal berkaitan dengan seksual.
- Nafsu serakah pula bererti nafsu yang tidak ditahan, tanpa batasan dalam segala hal terutamanya dalam hal berkaitan dengan seksual.

Nafsu itu memang ada dalam diri setiap diri manusia. Ia adalah anugerah daripada Allah SWT dalam menangani kehidupan sebagai hamba Allah SWT sebagaimana Allah mengurniakan akal untuk manusia berfikir dan merencana kehidupan. Ianya wujud untuk menjalani aktiviti seperti makan, minum dan berkahwin. Cuma, yang menjadi kebimbangan adalah tingkat kawalan terhadap nafsu yang wujud dalam diri.

Nafsu ini sering terkait dengan perbuatan jahat sedangkan sebenarnya nafsu ini mempunyai banyak tingkatnya. Manusia sering leka sehingga terus melakukan kesilapan demi kesilapan.



Oleh kerana itu, manusia perlu memahami tingkat-tingkat nafsu agar mereka sentiasa berusaha memperbaiki diri.

Firman Allah SWT.

خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا ﴿٥٩﴾ إِلَّا مَنْ تَابَ وَآمَنَ  
وَعَمِلَ صَالِحًا فَأُولَٰئِكَ يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْئًا ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud:

*Maka datanglah sesudah mereka, pengganti (yang jelek) yang menyia-nyiakan solat dan memperturutkan hawa nafsunya, maka mereka kelak akan menemui kesesatan. kecuali orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh, maka mereka itu akan masuk syurga dan tidak dianiaya (dirugikan) sedikit pun.*

(Mariam 19: 59 – 60)

Adapun perkaitan memandang atau melihat dengan nafsu, kajian Universiti Cambridge mendapati bahawa menonton pornografi akan mengubah kimia dalam satu bahagian otak kita yang menyebabkan berlakunya ketagihan dan dikatakan sama dengan ketagihan dadah. Kenapa? Sebab dalam otak kita ada hormon seperti *dopamine* untuk memberi kepuasan bila ada kasih sayang hubungan suami isteri, dia akan memberikan perasaan kebahagiaan dan kepuasan. Pada situasi biasa (hubungan suami isteri), *dopamine* ini dirembeskan sebanyak lima kali saja, tetapi apabila menonton pornografi, otak kita akan merembeskan *dopamine* sebanyak 300 kali. Jadi, bila tengok banyak, satu ketika otak akan menjadi letih kerana banyak *dopamine* dikeluarkan. Apabila rasa semakin tidak puas sampai tiada rasa langsung kepuasan mula mencari bahan lebih *advance* dan sampai satu tahap mungkin mahu mencuba kerana tengok saja tak puas dan ini yang membawa kepada gejala sosial. (Ahad, Harian Metro, 29 Julai 2018)

Para ulama juga turut membincangkan perkara-perkara yang dibolehkan untuk melihat dan menonton dan apa yang tidak dibenarkan. Sebagai contoh terdapat beberapa fatwa-fatwa dan pandangan ulama berkenaan menonton bola sepak dan acara sukan. (2640-irsyad-fatwa)

- 1) Fatwa Lajnah ad-Da'imah menfatwakan keharusan menonton acara sukan selagi mana ia tidak melibatkan sebarang unsur yang haram seperti mengabaikan solat, mendedahkan aurat, percampuran lelaki dan perempuan atau perjudian. (Lihat Fataawa al-Lajnah al-Daa'imah, 15/238)
- 2) Syeikh Ziyab bin Sa'ad Aali Hamdan al-Ghamidi: Hukum sukan bola sepak ialah haram tanpa syak, bahkan keharamannya lebih berat berbanding arak dan judi. (Rujuk Haqiqat Kurratil Qadam, Cetakan Pertama, 2008, hal. 441)
- 3) Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradhawi, Presiden Kesatuan Ulama Sedunia memberikan rukhsah kepada atlet yang terpaksa menepati piawai pemakaian yang tidak menutup aurat secara sempurna. Rukhsah ini juga terpakai kepada penonton acara sukan tersebut, sekalipun



- kaum Muslimin mestilah berusaha sedaya upaya untuk mengamalkan tuntutan agama supaya menutup aurat. (Lihat <https://www.al-qaradawi.net/node/3867> )
- 4) Syeikh Faysal Mawlawi, Timbalan Pengerusi Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah menyatakan bahawa tiada nas syarak yang mengharamkannya. Dakwaan bahawa menonton acara sukan ialah haram secara mutlak dengan alasan ia merupakan satu pembaziran masa tertolak kerana Baginda SAW sendiri menggalakkan kita menghiburkan diri dengan perkara-perkara yang diharuskan.
  - 5) Menonton sukan menjadi haram sekiranya ia melibatkan perkara haram seperti melihat pemain-pemain yang berpakaian tidak sopan, menghabiskan terlalu banyak masa dan mengabaikan kewajipan agama. (Lihat <https://archive.islamonline.net/?p=1414> )

Kajian sains daripada Marilita (2014) juga memperakui bahawa mata mempunyai kaitan dengan otak dan tingkahlaku manusia. Beliau menjelaskan bahawa mata merupakan alat yang menyampaikan maklumat kepada otak melalui kod dan corak yang tersendiri. Tenaga cahaya yang masuk ke dalam mata manusia akan ditukarkan kepada rangkaian *impuls* elektrik (signal yang dihantar macam elektrik) yang juga merupakan bahasa yang dapat dibaca oleh otak

Ibnul Qayyim (2007) menyatakan bahawa pandangan mata yang haram akan melahirkan lintasan pikiran, lintasan pikiran akan melahirkan idea, sedangkan idea memunculkan nafsu, lalu nafsu melahirkan kehendak, kemudian kehendak itu menguat hingga menjadi tekad yang kuat dan biasanya diwujudkan dalam amal perbuatan (zina).

### 3.0 Masalah Kajian

Perkembangan teknologi yang tidak terkawal sehingga terlalu mudah untuk melayari laman-laman web lucah dan pornografi serta media yang tidak peka dengan nilai moral serta sensitiviti masyarakat dalam menyiarkan filem-filem dan iklan yang melanggar dasar etika dan akhlak.

Kajian di Malaysia mendapati kebanyakan pelajar universiti, remaja dan kanak-kanak telah terdedah kepada aktiviti pornografi. Maka adalah tidak mustahil aktiviti seterusnya selepas menyaksikan pornografi adalah melakukan perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. seperti hubungan seks secara haram atau zina. Pornografi boleh membawa kepada ketagihan seksual yang buruk dan tidak normal. Hal ini adalah disebabkan penonton pornografi akan beraksi berdasarkan apa yang dilihat, berfantasi dan berakhir dengan keputusan atau hasil yang merosakkan seseorang. (Nor Azah Abd Aziz dan Che Zarrina Saari , 2011)

Melihat pornografi antara penyumbang berlakunya gejala sosial seperti zina, rogol dan sumbang mahram. Kajian ke atas 40 penghuni rumah perlindungan wanita Baiyt al-Rahmah yang dikendalikan NGO Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) bermula 2010 hingga 2016, sebanyak 95 peratus daripadanya pernah menonton video lucah ia ada kaitan dengan perlakuan seks luar nikah. (Ahad, 29 Julai 2018 @ 4:59 AM)

Menurut Rowan (2010), secara purata kanak-kanak menghabiskan masa selama lapan jam sehari untuk teknologi hiburan dengan 65% daripadanya mempunyai televisyen di dalam bilik tidur mereka sendiri, dan 50% daripada televisyen di kediaman penduduk. Ditambah pula dengan penggunaan telefon pintar, melayari internet dan media sosial telah



menyebabkan berlakunya penularan pengaruh teknologi dalam kehidupan dan persekitaran sosial sesebuah keluarga. Laporan dalam laman web SC (Symantec Corporation) bertarikh 7 Julai 2010 bertajuk “Laporan Keluarga Norton Online 2010” mendedahkan bahawa kanak-kanak di Malaysia menghabiskan masa melayari internet secara purata selama 19 jam seminggu, sedangkan ibu bapa menyangka anak-anak mereka melayari internet selama 11 jam. Di samping itu, kajian mendapati bahawa sembilan daripada sepuluh kanak-kanak di Malaysia telah terdedah kepada pengalaman negatif semasa melayari internet.

Menurut Nor Azah (2010), elemen multimedia yang dipersembahkan di laman web pornografi bukan sahaja boleh ditonton oleh golongan kanak-kanak dan remaja tetapi ia juga boleh dimuat turun dengan mudah dan disebarkan dengan pantas melalui emel. Kajian beliau turut menyatakan terdapat lebih kurang 80,000 laman web yang berkait rapat dengan porno telah dihasilkan antara tahun 1999 ke tahun 2000 disebabkan kebanyakan laman web sedemikian boleh diakses dengan percuma.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan pelbagai peralatan moden seperti internet dapat menyediakan persekitaran sosial yang pantas, mudah, dan bebas kepada sesiapa sahaja termasuklah golongan kanak-kanak dan remaja. Namun, aplikasi internet tanpa kawalan telah mengundang kepada ketagihan dalam kalangan penggunanya yang sebahagiannya adalah dalam kalangan pelajar sekolah. Dapatan ini disokong oleh kajian Mohd Aziz Shah, Irna, Wan Rosni *et al.*(2013) yang turut menyatakan bahawa tambah memburukkan keadaan apabila perkhidmatan internet tanpa wayar (wireless) disediakan secara percuma oleh pelbagai pihak dan mudah didapati. Berdasarkan kajian, antara tempat yang mudah mendapat kemudahan internet ialah kafe, restoran, lapangan terbang, hotel, dan pusat membeli belah (Johari & Raja Shahrina, 2012).

#### **4.0 Huraian Ahli Tafsir Tentang Ayat 30-31 Surah al-Nur**

Imam al-Fakhr al-Razi (1981) ketika menafsirkan ayat 30-31 surah al-Nur tidak mengaitkan secara langsung antara pandangan mata dan hawa nafsu. Namun ketika beliau menghuraikan secara terperinci bahagian-bahagian aurat iaitu aurat lelaki dengan lelaki, aurat perempuan dengan perempuan, aurat lelaki dengan perempuan dan aurat perempuan dengan lelaki, beliau ada membincangkan hukum melihat muka dan tapak tangan dengan membahagikannya kepada 3 bahagian iaitu melihat dengan tidak sengaja dan tiada tujuan, melihat dengan sengaja tetapi tidak timbul fitnah dan melihat dengan sengaja dan dengan syahwat. Selain daripada itu, beliau juga membincang secara terperinci tentang maksud perhiasan, golongan-golongan yang dibenarkan melihat perhiasan dan dilarang. Selain daripada itu, ketika membincangkan tentang kanak-kanak yang belum memahami tentang aurat wanita, beliau mengatakan bahawa orang tua yang masih mempunyai syahwat termasuk dalam katogori orang muda juga. Begitu juga beliau men

Ahmad Mustafa al-Maraghi (2001) ketika menghuraikan ayat 30-31 surah al-Nur hanya menerangkan maksud menundukkan pandangan dan hikmahnya Beliau membawa kata-kata penyair Ahmad Syauqi: “ *Pandangan, kemudian Senyum, kemudian Salam, kemudian Berkata-kata, kemudian Perjanjian, kemudian Perjumpaan*”. Beliau juga membawa kata-kata penyair yang menyatakan bahawa memandang boleh membawa kepada zina dan perkara-perkara keji. Beliau tidak mengupas dengan jelas kaitan memandang atau mata dengan nafsu.



Ketika menafsirkan ayat 30-31 surah al-Nur, Ibn Kathir menghuraikan dengan terperinci tentang dalil-dalil daripada hadis yang menyatakan bahawa wanita perlu menjaga pandangan mereka. Beliau membawa riwayat sebab turun dua ayat tersebut dan pandangan yang menyatakan wanita tidak boleh memandangi lelaki lain yang bukan muhrim sama ada dengan hawa nafsu atau tidak dan juga pandangan yang berlawanan dengannya iaitu kaum wanita diperbolehkan memandangi lelaki lain tanpa syahwat. Ibn Kathir juga membahaskan tentang perhiasan yang dilarang bagi wanita menampakkannya dan yang dibenarkan.

Setelah kajian dilakukan terhadap beberapa buah kitab tafsir, maka didapati kitab *Fi Zilal al-Qur'an*, tulisan Sayyid Qutb adalah kitab yang paling banyak mengaitkan huraian tentang memandangi dengan hawa nafsu. Beliau telah menghuraikan dengan terperinci tentang tafsiran menjaga pandangan.

Sebelum membuat penafsiran terhadap dua ayat di atas, beliau terlebih dahulu menyatakan *munasabat* antara ayat ini dengan ayat meminta izin. Beliau menyatakan bahawa setelah selesai menerangkan peradaban meminta izin untuk memasuki rumah-rumah kediaman orang lain iaitu satu peraturan pencegahan untuk membersihkan perasaan manusia dan menghindarkannya dari sebab-sebab sepiintas lalu yang boleh menggoda nafsu mereka, maka al-Quran terus menutup jalan godaan nafsu berahi manusia supaya ia tidak terlepas bebas dari tali tambatannya, iaitu godaan nafsu berahi yang dirangsangkan oleh mata yang melihat bahagian tubuh badan yang memberahikan atau dirangsangkan oleh gerak-gerak wanita yang menimbulkan nafsu keinginan.

Sayyid Qutb menegaskan bahawa menahan mata dari memandangi wanita dari pihak lelaki merupakan satu peradaban diri dan satu usaha untuk mengatasi keinginan melihat bahagian-bahagian yang jelita dari wajah dan tubuh badan wanita. Ia juga merupakan satu usaha menutup jendela pertama dari jendela-jendela nafsu berahi dan satu tindakan mencegah sampainya tikaman anak panah nafsu yang beracun.

Pada pandangan Sayyid Qutb, antara akibat tidak menjaga pandangan ialah pemuasan nafsu secara liar tanpa terikat kepada sesuatu peraturan atau pengidapan penyakit-penyakit saraf dan kompleks-kompleks jiwa yang terjadi akibat menahan nafsu selepas ia dirangsangkan. Proses ini merupakan satu proses yang hampir sama dengan penyiksaan jiwa.

Sayyid Qutb mendedahkan dalam kitab tafsirnya ini tentang teori Freud yang mengatakan bahawa pandangan, percakapan dan percampuran yang bebas di antara lelaki dan perempuan, gurau senda yang meriah di antara muda dan mudi, melihat bahagian-bahagian badan yang sulit dan memberahikan itu memberi kesan positif kepada manusia, antaranya adalah:

- boleh merehatkan jiwa manusia
- boleh melepaskan keinginan-keinginan mereka yang terpenjara
- dapat memelihara mereka dari akibat penekanan dan pemendam terhadap nafsu berahi
- dapat menyelamatkan mereka dari kompleks-kompleks jiwa
- dapat meringankan mereka dari desakan keinginan seks dan tindakan liar yang tidak selamat untuk memuaskan hawa nafsu di sebaliknya.

Walau bagaimanapun Sayyid Qutb telah menyaksikannya sendiri bahawa semua pendapat dan teori ini tidak benar kerana semua kebebasan ini tidak membawa kepada menghaluskan





keinginan seks dan menjinakkannya, malah ia membawa kepada kegilaan nafsu seks yang tak kunjung puas dan tenang, malah ia terus dahaga dan terburu-buru.

Islam telah menggariskan batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan, Menurut Dr Anisah (1999), pada prinsipnya pergaulan di antara lelaki perempuan adalah dilarang. Namun dalam keadaan dan batas-batas tertentu seperti darurat, kemaslahatan, keperluan dan kebiasaan adat setempat ia dibolehkan dengan syarat yang terbabit mestilah menjaga batas-batas syarak, iaitu berpakaian menutup aurat, merendah pandangan dan bercakap dalam keadaan biasa dan normal yang tidak ada unsur fitnah.

Sayyid Qutb juga menghuraikan kesan-kesan daripada menjaga pandangan daripada melihat perkara-perkara yang dilarang adalah

- Ia lebih bersih kepada perasaan-perasaan manusia.
- Lebih selamat kerana ia tidak tercemar dengan nafsu syahwat pada bukan tempatnya yang halal dan bersih,
- Ia tidak terjerumus jatuh ke taraf haiwan yang rendah,
- Ia lebih mendatangkan kebersihan kepada masyarakat Muslimin dan
- Lebih memelihara kehormatan dan maruahnya, juga
- Memelihara kebersihan suasana hidup, di mana mereka hidup dan bernafas

Ketika Sayyid Qutb menjelaskan secara ringkas tentang golongan mahram seperti bapa-bapa, anak-anak, bapa-bapa suami dan anak-anak lelaki mereka dan sebagainya, Al-Quran juga mengecualikan hamba-hamba.

أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُنَّ

*“Atau hamba-hamba yang dimiliki mereka”*

Sayyid Qutb mengatakan hanya hamba-hamba perempuan sahaja, dan menurut satu pendapat yang lain pula termasuk hamba-hamba lelaki, kerana hamba lelaki tidak menaruh nafsu berahi terhadap tuannya yang perempuan. Namun begitu beliau lebih cenderung kepada pandangan yang pertama, kerana hamba lelaki juga manusia yang mempunyai nafsu berahi manusia walaupun ia mempunyai kedudukan khas dalam sesuatu masa yang tertentu. Al-Quran mengecualikan lagi:

أَوِ التَّابِعِينَ غَيْرِ أُولِي الْإِرْبَةِ مِنَ الرِّجَالِ

*“Atau pembantu-pembantu rumah dari lelaki-lelaki yang tidak mempunyai keinginan  
“(31)”*

Mereka ialah lelaki-lelaki yang tidak menaruh keinginan terhadap perempuan kerana salah satu sebab dari sebab-sebab seperti mati pucuk, bodoh dan gila dan lain-lain sebab yang



menahan lelaki dari mengingini perempuan, kerana fitrah nafsu keinginan tidak wujud di sini. Seterusnya al-Quran mengecualikan:

أَوْ الطِّفْلِ الَّذِينَ لَمْ يَظْهَرُوا عَلَى عَوْرَاتِ النِّسَاءِ ط

“Atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat-aurat perempuan”(31)

Iaitu kanak-kanak yang tidak menaruh nafsu berahi apabila melihat tubuh badan perempuan, tetapi apabila mereka meningkat kepada usia mumaiyiz dan mempunyai nafsu berahi walaupun mereka belum baligh, maka kanak-kanak kumpulan ini tidak termasuk di bawah pengecualian.

Seluruh mereka – selain para suami – tidak ada apa-apa kesalahan kepada mereka dan kepada perempuan memandang tubuh badan perempuan kecuali bahagian-bahagian anggota di bawah pusat hingga ke bawah lutut kerana tidak wujud fitnah nafsu yang kerananya anggota-anggota itu wajib ditutupkan, tetapi bagi para suami ia boleh melihat seluruh badan isterinya tanpa kecuali.

## Kesimpulan

Menjaga pandangan adalah antara faktor utama sesuatu masalah sosial seperti pergaulan bebas, khalwat, sumbang mahram, perzinaan dan sebagainya dapat dielakkan. Ini adalah kerana ianya mempunyai kaitan yang amat rapat dengan hawa nafsu. Walaupun tafsiran tentang kaitan antara menjaga pandangan dan nafsu kurang dijelaskan secara langsung dalam kitab-kitab tafsir, namun begitu, kitab tafsir *Fi Zilal al-Qur'an* antara kitab tafsir yang , menghuraikan perkaitan ini dengan agak jelas menerusi teori Fried dan pandangan-pandangan semasa Sayyid Qutb. Dengan mengetahui perkara ini akan dapat mengelakkan diri seseorang daripada melakukan perkara-perkara maksiat.

## Rujukan

- Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah, *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar, UTM Skudai*
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy, *Tafsir al-Maraghiy*, (2001) Terj. Muhammad Thalib, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Cet 1.
- Al-Fakhr al-Razi, *Tafsir al-Fakhr al-Razi*, (1981) Beirut, Dar al-Fikr
- Al-Qurtubi, Abi ‘Abd Allah Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Bakr, (2006), *al-Jami’ Li Ahkam al-Qur’an*, Tahqiq Dr. ‘Abd Allah ibn ‘Abd al-Muhsin, Beirut, Muassasah al-Risalah
- Al-Zuhayli, Prof Dr. Wahbah, 1998, *al-Tafsir al-Munir fi al-‘Aqidah wa al-Syariat wa al-Manhaj*, Dar al-Fikr, Damsyik.
- Ibn Kathir, Imad al-Din, (2000) *Tafsir al-Qur’an al-Azim*, Kaherah, Muassasah Qurtubah
- Ibnu Qayyim al-Jauziyah, (2007), *Bahaya Zina*, Terj. Tim Darul Haq, Maktab Dakwah dan Bimbingan Jaliyat Rabwah, Jakarta



- Johari Hassan & Raja Shahrina. (2012). Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Ingeneering Education*, Vol. 6, 2343.
- Mohd Aziz Shah Mohamed Arip, Irna Ab Latif, Wan Rosni Wan Mamat *et al.* (2013). Strategi menangani ketagihan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar sekolah menengah: Satu kajian kes. *Jurnal Personalia Pelajar*, 16 (2013), 93-103.
- Muhammad al-Amin ibn Muhammad al-Mukhtar, al-Syanqiti, 2006. *Adwa' al-Bayan fi Iidah al-Quran bi al-Quran*, cet ke 2, Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Nafisah Tahir, Kamal Ashaari, *Ajarkan Wanitamu Surah al-Nur*, 2016, Pustaka Zhilal, Kuala Lumpur.
- Nor Azah Abd Aziz, Che Zarrina Saari, (2011), Menangani Permasalahan Laman Web Pornografi: Antara Perisian Penapis, Penguatkuasa Undang-undang dan Amalan Spiritual
- Noresah Baharom, *Kamus Dewan Edisi Keempat*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur
- Ole R. Holsti (1969) *Content Analysis for the Sosial Sciences and Humanities*. California: Addison-Wesley Publishing Company,
- Robert Philip Weber (1990), *Basic Content Analysis*. London : Sage Publications
- Robert Philip Weber (1990), *Basic Content Analysis*. London : Sage Publications
- Rowan, C. (2010). The Impact of Technology on Child Sensory and Motor Development. OTLine. British Columbia Society of Occupational Therapists.
- Sayyid Qutb, (2010) *Tafsir Fi Zilalil Qur'an, Di Bawah Bayangan al-Quran*, Terj Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob, Pustaka Darul Iman Sdn, Bhd. Cet 1
- Wan Anita Wan Abas & Azizah Hamzah. (2013). Media Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, Vol. 15, Bil. 2, 2013, 27-39.
- <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/07/362822/tonton-pornografi-ubah-kimia-dalam-otak-metrotv>
- <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2640-irsyad-fatwa-247-hukum-menonton-acara-sukan-yang-mendedahkan-aurat>